



**Pelajar FKP** yang juga peserta Bakti USIM 2013 bergambar dengan penduduk tempatan.

# USIM berdakwah kepada Orang Asli

**Maran:** Seramai 94 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berdakwah kepada penduduk Kampung Orang Asli Sungai Jempul menerusi Program Khidmat Dakwah USIM bersama-sama Masyarakat Orang Asli (BAKTI USIM 2013).

Program yang diadakan selama enam hari itu memperkenalkan empat modul pengisian seperti Modul Dakwah dan Kepimpinan, Modul Pendidikan Fardu Ain/Pembangunan Pendidikan, Modul Kesihatan dan Modul Keusahawanan.

Pengarah program, Syed Mahdi Syed Nasir, berkata walaupun Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan sering mengadakan program khidmat bakti bersama-sama Orang Asli, namun kali ini misinya berbeza.

## **Berbakti kepada masyarakat**

“Kami mengharapkan program khid-

mat masyarakat seperti ini dapat memberi maklumat berguna kepada pelajar USIM yang menyertainya supaya mereka dapat menilai semula tanggungjawab sebenar sebagai mahasiswa untuk berbakti kepada masyarakat,” katanya.

Penasihat Program yang juga Dekan fakulti berkenaan, Prof Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, program itu mempunyai pelbagai objektif.

Katanya, antara matlamatnya ialah memahami konsep institusi sosial dan masyarakat Orang Asli dalam konteks kepelbagaian agama.

“Apa yang penting ialah untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Orang Asli menerusi pendekatan dakwah yang berkesan dan kontemporari,” katanya.